



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION  
FOR  
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE  
(2023 SUPPLEMENTARY EXAMINATION)**

**GENERAL PAPER**

**Monday, 6 November 2023**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.**

**Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.**

- 
- \* THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) QUESTIONS.**
  - \* ANSWER ALL THE QUESTIONS.**
  - \* GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 2 questions printed on 10 pages)**



**1. Answer ALL parts of this question**

CLP Sdn. Bhd. (“CLP”) is based in Ipoh, Perak, and has successfully completed the development of several housing schemes in Ipoh since the 1980s. CLP wishes to expand its housing development business into the Klang Valley.

CLP has identified a piece of land with an area of 400 acres in Puchong, Selangor, known as Lot 1111, Mukim Puchong, District of Petaling, Selangor (“the Puchong Land”). The registered owner of the Puchong Land is BPP Sdn. Bhd. (“BPP”). BPP is an investment holding company having its registered address at Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

On 1.8.2023, Tuah bin Jebat, the Managing Director of CLP, called Lekir bin Lekiu, the Chief Executive Officer of BPP and informed Lekir that CLP was interested in buying the Puchong Land from BPP for the sum of RM800 million. CLP would then develop the land into a housing scheme.

Lekir informed Tuah that BPP was not interested in selling the Puchong Land but would be open to having a joint venture with CLP to develop the Puchong Land as a housing development. Tuah immediately agreed to the proposal for a joint venture and informed Lekir that CLP would send a draft joint venture agreement for BPP to review and agree on if there were no issues with the draft agreement.

On 10.8.2023, Tuah sent a draft joint venture agreement to Lekiu. The terms of the draft joint venture agreement provided that:

- (a) CLP would be the developer of the Puchong Land;
- (b) CLP would be solely responsible for carrying out, at its own costs and expenses, all aspects of the development including –
  - (i) the planning, designing, managing, constructing, completing and commissioning of all the properties to be developed on the Puchong Land;

- (ii) the subsequent marketing and sale of the properties developed on the Puchong Land; and
  - (iii) all ancillary activities incidental to, necessary for and consistent with the development of the Puchong Land;
- (c) BPP would execute a Power of Attorney over the Puchong Land to allow CLP to make all necessary applications for approvals, licences and sales of the units to be developed on the Puchong Land;
- (d) BPP's entitlement under the joint venture would be 30% of the profits obtained from the development of the Puchong Land; and
- (e) Payments of BPP's entitlement would be as follows:
- (i) an initial payment of RM50 million would be made upon signing of the joint venture agreement;
  - (ii) the balance payment would be made after the completion of the sales of all the units developed on the Puchong Land; and
  - (iii) the sum constituting the balance payment would be 30% based on the final audit done by an auditing firm to be jointly appointed by both parties, and such sum would be paid taking into account the initial payment of RM50 million within 14 days of the issuance of the audit report.

On 11.8.2023, Lekir called Tuah up and said to Tuah:

“Thank you for your letter dated 10.8.2023 and the draft joint venture agreement. On behalf of BPP, we can agree to the terms of the draft joint venture agreement provided you agree to pay an initial payment of RM75 million instead of the proposed RM50 million.”

During the telephone conversation, Tuah immediately agreed to pay BPP RM75 million as the initial payment and told Lekir that he would be sending the final version of the joint venture agreement to BPP for signature.

On 13.8.2023, Tuah sent the final version of the joint venture agreement to BPP for signature and obtained an acknowledgement of receipt from BPP.

On 15.8.2023, Lekir called Tuah up and said to Tuah:

“I regret to inform you that BPP has just agreed to sell the Puchong Land to another company. Therefore, we will not be signing the joint venture agreement that you have sent to us.”

Lekir then terminated the call. Tuah tried to call Lekir back, but all his calls went to voicemail. Tuah sent a text message to Lekir in the following terms:

“I tried to call you several times, but you did not pick up the calls. I am very disappointed that you chose to sell the Puchong Land despite agreeing to have a joint venture with CLP to develop the Puchong Land. I shall be consulting my lawyers to take action against you and BPP.”

Lekir did not reply to this text message.

On 25.8.2023, Tuah came to your law office and informed you that CLP wished to take action against BPP. He also said that CLP had incurred the following sums as expenditure in anticipation of the housing development project on the Puchong Land:

- On 13.8.2023, paid RM3 million for legal fees, stamp duty and the associated expenses to obtain a bridging loan/financing of RM700 million for the housing development project on the Puchong Land;

- On 8.8.2023, paid RM20,000.00 to CLP's lawyers for drafting the joint venture agreement;
- On 5.8.2023, paid RM50,000.00 to CLP's valuers, RHZ Valuers, to provide a valuation report for the Gross Development Value of the housing development project on the Puchong Land;
- On 14.8.2023, entered into consultancy agreements with PDA Architects, BAE Engineering and QS Quantity Surveyors for services to be rendered for the housing development project on the Puchong Land. The fees to be paid to these consultants would be based on a percentage of the total project cost of the housing development project on the Puchong Land. The total fees estimated to be paid to the consultants would be RM5 million.

(a) **Advise Tuah as to whether there was an enforceable agreement between CLP and BPP.**

**(10 marks)**

(b) **Assuming that liability can be established against BPP, advise CLP as to what remedies can be sought against BPP.**

**(25 marks)**

(c) **Settle a Statement of Claim on behalf of CLP.**

**(15 marks)**

**2. Answer ALL parts of this question**

En. Sudirmain Jamal seeks your advice with respect to the following incident. He states:

“I want you to act for me, my son Sya and his girlfriend in respect of an incident on 9 September 2020.

On 9 September 2020, at about 9.00 p.m. along Jalan Pasir Bogak, Pangkor, my son, Sya bin Sudirmain, aged 17 years (at that time), was riding motorcycle No. ACE 4444 with his girlfriend, Zur binti Atan. My son who was travelling towards Teluk Nipah made a U-turn and proceeded towards Pangkor town in an attempt to escape from the police as he was not wearing a crash helmet and had no licence to ride a motorcycle.

His girlfriend said that while my son was riding towards Pangkor town after having made a U-turn to escape the police for traffic offences, a policeman chased him on motorcycle No. CAD 187 from the rear, came abreast of my son’s motorcycle and kicked his motorcycle, and both of them fell with the motorcycle.

My son’s girlfriend also said that the policeman who kicked their motorcycle, the first time he kicked, it hit her right leg. The second time the policeman kicked, it hit the right rear side of the motorcycle. My son then lost control of the motorcycle and they were both thrown off the motorcycle onto the road. She then became unconscious. She suffered injuries as per her police report dated 10 September 2020.

My son suffered serious injuries, and he is now a paraplegic and is a wheelchair dependent for the rest of his life. He is now staying permanently with us. He cannot move. My son was readmitted to Kuala Lumpur General Hospital from 13 May 2021 until 31 May 2021 where he underwent further surgery on his buttocks due to bedsores as his skin had become rotten. He cannot sit for long as he has to lift his buttocks. My son had his crash helmet with him but he did not wear it.

According to the policeman, my son lost control of the motorcycle as he was riding at a fast speed in an attempt to escape the police. The policeman had seen from a distance that my son was not wearing a crash helmet.

The motorcycle belongs to me. I have also spent RM500.00 on repairing my motorcycle.

I have brought the following documents:

- a. Police report by Zur binti Atan;
- b. Specialist Medical Report by Dr. Dushen from Kuala Lumpur General Hospital;
- c. Police report by Lance Corporal Azmi Ahmad.”.

- (a) **You are to comprehensively advise on the possible causes of action that arise. Your advice should also indicate any defences as to liability available to any person or persons identified as the prospective defendant or defendants.**

**(20 marks)**

- (b) **You are to advise on the various items of damages claimable as a result of the incident, explaining carefully how such damages are assessed by the Court. You are to advise on the principle relevant to the assessment of damages in this case.**

**(10 marks)**

- (c) **Settle a Statement of Claim to be filed against the person or persons liable for such damages.**

**(20 marks)**

**APPENDIX A****POLICE REPORT**

POLICE STATION : PANGKOR  
REPORT NO. : 999/20  
PERSON MAKING REPORT : ZUR BINTI ATAN  
DATE & TIME OF REPORT : 10.9.2020 @ 2.00 P.M.  
GENDER : FEMALE  
AGE : 16 YEARS OLD  
OCCUPATION : STUDENT

---

On 9.9.2020 at around 9.00 p.m., my boyfriend Sya bin Sudirmain was riding motorcycle No. ACE 4444 towards Teluk Nipah. We saw the police in front of us, so my boyfriend turned his motorcycle around and headed back to Pangkor town.

A short while later, a policeman who was riding motorcycle No. CAD 187 came abreast of my boyfriend's motorcycle and tried to kick it.

The policeman managed to initially kick my right leg. Thereafter, he kicked again and managed to hit the right side of the motorcycle. My boyfriend and I fell down. The next thing I knew, I was in the hospital.

According to the doctor in the hospital, I had a swollen and tender left cheek, and a lacerated wound one (1) cm inside my mouth. I also suffered a swollen and tender lower half of my left arm, and a tender right thigh, and I am unable to raise my right lower limb due to pain.

Sgd

.....  
Zur binti Atan

**APPENDIX B****Kuala Lumpur General Hospital**  
**Specialist Medical Report****Our Ref: 666/2021****Date: 17.7.2021****Re: Medical Report on Sya bin Sudirmain**

---

---

The above-named was transferred to this Hospital on 10.9.2020 from Hospital Sri Manja. He had been involved in an incident where he had fallen from a motorcycle. He was discharged on 3.3.2021 but readmitted on 13.5.2021 for surgery because of bedsores.

As a result of the incident on 9.9.2020, he sustained:

- a. Complete motor and sensory neurological deficits;
- b. Severe dislocation at T5-T6 vertebrae level;
- c. Total paralysis of all limbs due to the spinal injury;
- d. Incontinence – requiring continuous intermittent self-catheterization; and
- e. Fracture of right and left femur.

He cannot lead a normal life as a result of the paralysis.

He was a student aged 17 years at the time of injury. He has a life expectancy of around 35 years from the date of the injury and would need either a domestic helper or a family member to take care of him. He requires a special ripple mattress and a high-low-function electric bed apart from a commode wheelchair. He requires a change of 2 diapers daily and urinary catheters to empty his bladder as well as a ROHO cushion for his buttocks as a result of bedsores. He was discharged on 31.5.2021.

Thank you.

Sgd

.....  
Dr. Dushen

**APPENDIX C****POLICE REPORT**

POLICE STATION	:	PANGKOR
REPORT NO.	:	1100/20
PERSON MAKING REPORT	:	AZMI AHMAD
DATE & TIME OF REPORT	:	20.9.2020 @ 3.00 P.M.
GENDER	:	MALE
AGE	:	38 YEARS OLD
OCCUPATION	:	LANCE CORPORAL POLICE

---

I was stationed at a roadblock on Jalan Teluk Nipah together with Sergeant Ali, Corporal Abu and Corporal Ahmad.

At around 9.00 p.m. on 9.9.2020, I saw a motorcycle making a U-turn back to Pangkor town. The rider was not wearing a helmet. I gave chase on my motorcycle No. CAD 187. I shouted at him to stop but the rider did not stop. The rider who was riding at a fast speed lost control of his motorcycle, and he and the pillion rider fell and both suffered injuries.

Sgd

.....  
Azmi Ahmad

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN  
BAGI  
SIJIL AMALAN GUAMAN  
(PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2023)**

**KERTAS AM**

**Isnin, 6 November 2023**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi**

**Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari**

- 
- \* KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN.**
  - \* JAWAB SEMUA SOALAN.**
  - \* BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
  - \* KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG BERKAITAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
- 

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan yang dicetak pada 14 muka surat)**



**1. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

CLP Sdn. Bhd. (“CLP”) beroperasi di Ipoh, Perak, dan telah dengan jayanya menyiapkan pemajuan beberapa skim perumahan di Ipoh sejak tahun 1980-an. CLP berhasrat untuk mengembangkan perniagaan pemajuan perumahannya ke Lembah Klang.

CLP telah mengenal pasti sebidang tanah dengan keluasan 400 ekar di Puchong, Selangor, yang dikenali sebagai Lot 1111, Mukim Puchong, Daerah Petaling, Selangor (“Tanah Puchong”). Pemunya berdaftar Tanah Puchong itu ialah BPP Sdn. Bhd. (“BPP”). BPP ialah sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang mempunyai alamat berdaftar di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Pada 1.8.2023, Tuah bin Jebat, Pengarah Urusan CLP, telah menelefon Lekir bin Lekiu, Ketua Pegawai Eksekutif BPP dan memaklumkan Lekir bahawa CLP berminat untuk membeli Tanah Puchong itu daripada BPP bagi suatu jumlah wang sebanyak RM800 juta. CLP kemudiannya akan memajukan tanah itu menjadi suatu skim perumahan.

Lekir telah memaklumkan Tuah bahawa BPP tidak berminat untuk menjual Tanah Puchong itu tetapi terbuka untuk mengadakan suatu usaha sama dengan CLP untuk memajukan Tanah Puchong itu sebagai suatu pemajuan perumahan. Tuah dengan segera bersetuju dengan cadangan bagi suatu usaha sama dan memaklumkan Lekir bahawa CLP akan menghantar draf perjanjian usaha sama untuk disemak semula dan dipersetujui oleh BPP jika tidak terdapat isu dengan draf perjanjian itu.

Pada 10.8.2023, Tuah telah menghantar suatu draf perjanjian usaha sama kepada Lekiu. Terma-terma draf perjanjian usaha sama itu memperuntukkan bahawa:

- (a) CLP akan menjadi pemaju Tanah Puchong itu;

- (b) CLP akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan, atas kos dan perbelanjaannya sendiri, semua aspek pemajuan itu termasuklah—
  - (i) merancang, mereka bentuk, menguruskan, membina, menyiapkan dan mentauliahkan semua harta yang akan dimajukan di atas Tanah Puchong itu;
  - (ii) selepas itu memasarkan dan menjual harta yang dimajukan di atas Tanah Puchong itu; dan
  - (iii) semua aktiviti sampingan yang bersampingan dengan, perlu bagi dan selaras dengan pemajuan Tanah Puchong itu;
- (c) BPP akan menyempurnakan suatu Surat Kuasa Wakil ke atas Tanah Puchong itu untuk membenarkan CLP membuat semua permohonan yang perlu bagi kelulusan, lesen dan penjualan unit-unit yang akan dimajukan di atas Tanah Puchong itu;
- (d) hak BPP di bawah usaha sama itu ialah 30% daripada keuntungan yang diperolehi daripada pemajuan Tanah Puchong itu; dan
- (e) pembayaran bagi hak BPP adalah seperti yang berikut:
  - (i) bayaran awal sebanyak RM50 juta akan dibuat apabila perjanjian usaha sama itu ditandatangani;
  - (ii) bayaran baki akan dibuat selepas siapnya penjualan semua unit yang dimajukan di atas Tanah Puchong itu; dan
  - (iii) jumlah wang yang merupakan bayaran baki ialah sebanyak 30% berdasarkan audit muktamad yang dibuat oleh firma pengauditan yang akan dilantik secara bersesama oleh kedua-dua pihak, dan jumlah wang itu akan dibayar dengan mengambil kira bayaran

awal sebanyak RM50 juta dalam masa 14 hari dari pengeluaran laporan audit itu.

Pada 11.8.2023, Lekir telah menelefon Tuah dan berkata kepada Tuah:

“Terima kasih atas surat tuan bertarikh 10.8.2023 dan draf perjanjian usaha sama itu. Bagi pihak BPP, kami boleh bersetuju dengan terma-terma draf perjanjian usaha sama itu dengan syarat tuan bersetuju untuk membayar bayaran awal sebanyak RM75 juta dan bukannya RM50 juta yang dicadangkan itu.”

Semasa perbualan telefon itu, Tuah dengan segera telah bersetuju untuk membayar RM75 juta kepada BPP sebagai bayaran awal dan telah memberitahu Lekir bahawa dia akan menghantar versi muktamad perjanjian usaha sama itu kepada BPP untuk ditandatangani.

Pada 13.8.2023, Tuah telah menghantar versi muktamad perjanjian usaha sama itu kepada BPP untuk ditandatangani dan telah mendapat pengakuteraan penerimaan daripada BPP.

Pada 15.8.2023, Lekir telah menelefon Tuah dan berkata kepada Tuah:

“Dukacita dimaklumkan kepada tuan bahawa BPP baru sahaja bersetuju untuk menjual Tanah Puchong kepada suatu syarikat lain. Oleh itu, kami tidak akan menandatangani perjanjian usaha sama yang dihantar oleh tuan kepada kami.”

Lekir kemudiannya telah menamatkan panggilan itu. Tuah cuba untuk menelefon semula Lekir, tetapi semua panggilannya masuk ke dalam mel suara. Tuah telah menghantar pesanan teks kepada Lekir dengan kata-kata yang berikut:

“Saya telah cuba menelefon tuan beberapa kali, tetapi tuan tidak mengangkat panggilan tersebut. Saya sangat kecewa yang tuan telah memilih

untuk menjual Tanah Puchong itu walaupun telah bersetuju untuk mengadakan usaha sama dengan CLP untuk memajukan Tanah Puchong itu. Saya akan berunding dengan peguam saya untuk mengambil tindakan terhadap tuan dan BPP.”

Lekir tidak membalas pesanan teks ini.

Pada 25.8.2023, Tuah telah datang ke pejabat guaman anda dan memaklumkan anda bahawa CLP berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap BPP. Dia juga menyatakan bahawa CLP telah menanggung jumlah wang yang berikut sebagai perbelanjaan kerana menjangkakan projek pemajuan perumahan di atas Tanah Puchong itu akan berlaku:

- Pada 13.8.2023, telah membayar RM3 juta bagi fi guaman, duti setem dan perbelanjaan yang berkaitan untuk memperoleh pinjaman penyambung/pembiayaan sebanyak RM700 juta bagi projek pemajuan perumahan di atas Tanah Puchong itu;
- Pada 8.8.2023, telah membayar RM20,000.00 kepada peguam CLP untuk menyediakan perjanjian usaha sama;
- Pada 5.8.2023, telah membayar RM50,000.00 kepada penilai CLP, RHZ Valuers, untuk menyediakan laporan penilaian bagi Nilai Kasar Pembangunan bagi projek pemajuan perumahan di atas Tanah Puchong itu;
- Pada 14.8.2023, telah membuat perjanjian perundingan dengan PDA Architects, BAE Engineering dan QS Quantity Surveyors bagi perkhidmatan yang akan diberikan bagi projek pemajuan perumahan di atas Tanah Puchong itu. Fi yang akan dibayar kepada pakar-pakar runding ini adalah berdasarkan suatu peratusan daripada kos projek keseluruhan bagi projek pemajuan perumahan di atas Tanah

Puchong itu. Jumlah keseluruhan fi yang dianggarkan kena dibayar kepada pakar-pakar runding itu ialah sebanyak RM5 juta.

- (a) **Berikan nasihat kepada Tuah sama ada terdapat suatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan antara CLP dengan BPP.**

**(10 markah)**

- (b) **Seandainya liabiliti boleh dibuktikan terhadap BPP, berikan nasihat kepada CLP tentang remedi apakah yang boleh diminta terhadap BPP.**

**(25 markah)**

- (c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan bagi pihak CLP.**

**(15 markah)**

## 2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Encik Sudirmain Jamal meminta nasihat anda berkenaan dengan kejadian yang berikut. Dia menyatakan:

“Saya mahu kamu untuk mewakili saya, anak lelaki saya Sya dan teman wanitanya berkenaan dengan suatu kejadian pada 9 September 2020.

Pada 9 September 2020, pada lebih kurang pukul 9.00 malam sepanjang Jalan Pasir Bogak, Pangkor, anak lelaki saya, Sya bin Sudirmain, berumur 17 tahun (pada masa itu), sedang menunggang motorsikal No. ACE 4444 dengan teman wanitanya, Zur binti Atan. Anak lelaki saya yang sedang dalam perjalanan menuju ke arah Teluk Nipah telah membuat pusingan U dan meneruskan perjalanan ke arah bandar Pangkor dalam suatu percubaan untuk melarikan diri daripada polis kerana dia tidak memakai topi keledar dan tiada lesen untuk menunggang motorsikal.

Teman wanitanya telah berkata bahawa semasa anak lelaki saya sedang menunggang motorsikal ke arah bandar Pangkor selepas membuat pusingan U untuk melarikan diri daripada polis atas kesalahan trafik, seorang anggota polis telah mengejar anak lelaki saya dengan motorsikal No. CAD 187 daripada bahagian belakang, datang menyampingi motorsikal anak lelaki saya dan menendang motorsikalnya, dan kedua-dua mereka telah terjatuh bersama-sama motorsikal itu.

Teman wanita anak lelaki saya juga telah menyatakan bahawa anggota polis yang telah menendang motorsikal mereka, pertama kali dia menendang, tendangannya terkena kaki kanannya. Kali kedua anggota polis itu menendang, tendangannya terkena bahagian kanan belakang motorsikal itu. Anak lelaki saya kemudiannya telah hilang kawalan ke atas motorsikal itu dan mereka berdua telah tercampak daripada motorsikal itu ke atas jalan. Teman wanita anak lelaki saya kemudiannya

tidak sedarkan diri. Dia telah mengalami kecederaan sebagaimana dalam laporan polisnya bertarikh 10 September 2020.

Anak lelaki saya telah mengalami kecederaan serius, dan dia kini seorang penderita paraplegik dan bergantung pada kerusi roda sepanjang hayatnya. Dia kini tinggal secara tetap dengan kami. Dia tidak boleh bergerak. Anak lelaki saya telah dimasukkan semula ke Hospital Besar Kuala Lumpur mulai 13 Mei 2021 hingga 31 Mei 2021 di mana dia telah menjalani pembedahan lanjut di punggungnya disebabkan oleh ulser katil kerana kulitnya telah menjadi reput. Dia tidak boleh duduk lama kerana dia perlu mengangkat punggungnya. Anak lelaki saya ada topi keledar bersamanya tetapi dia tidak memakainya.

Mengikut anggota polis itu, anak lelaki saya telah hilang kawalan ke atas motorsikal itu kerana dia menunggang dengan lajunya dalam percubaan untuk melarikan diri daripada polis. Anggota polis itu telah melihat dari jauh yang anak lelaki saya tidak memakai topi keledar.

Motorsikal itu kepunyaan saya. Saya juga telah berbelanja sebanyak RM500.00 untuk membaiki motorsikal saya.

Saya telah membawa dokumen yang berikut:

- a. Laporan polis oleh Zur binti Atan;
- b. Laporan Perubatan Pakar oleh Dr. Dushen dari Hospital Besar Kuala Lumpur;
- c. Laporan polis oleh Lans Korporal Azmi Ahmad.”.

**(a) Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat secara komprehensif mengenai kausa tindakan yang mungkin berbangkit. Nasihat anda sepatutnya juga menunjukkan apa-apa pembelaan tentang liabiliti yang**

**tersedia kepada mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai bakal defendan atau defendan-defendan.**

**(20 markah)**

- (b) **Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai pelbagai butiran ganti rugi yang boleh dituntut akibat daripada kejadian itu, yang menjelaskan dengan teliti bagaimana ganti rugi sedemikian ditaksirkan oleh Mahkamah. Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai prinsip yang berkaitan dengan taksiran ganti rugi dalam kes ini.**

**(10 markah)**

- (c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk difailkan terhadap orang yang bertanggung bagi ganti rugi itu.**

**(20 markah)**

**LAMPIRAN A****LAPORAN POLIS**

BALAI POLIS	:	PANGKOR
NO. LAPORAN	:	999/20
ORANG YANG MEMBUAT LAPORAN	:	ZUR BINTI ATAN
TARIKH & MASA LAPORAN	:	10.9.2020 @ 2.00 PETANG
JANTINA	:	PEREMPUAN
UMUR	:	16 TAHUN
PEKERJAAN	:	PELAJAR

---

Pada 9.9.2020 lebih kurang pukul 9.00 malam, teman lelaki saya Sya bin Sudirmain sedang menunggang motorsikal No. ACE 4444 ke arah Teluk Nipah. Kami terlihat polis di hadapan kami, jadi teman lelaki saya telah memusingkan motorsikalnya dan menuju balik ke bandar Pangkor.

Seketika kemudian, seorang anggota polis yang sedang menunggang motorsikal No. CAD 187 telah datang menyampangi motorsikal teman lelaki saya dan cuba untuk menendang motorsikal itu.

Anggota polis itu berjaya pada mulanya menendang kaki kanan saya. Selepas itu, dia telah menendang sekali lagi dan berjaya terkena sebelah kanan motorsikal itu. Teman lelaki saya dan saya telah terjatuh. Perkara seterusnya yang saya tahu, saya telah berada di hospital.

Mengikut doktor di hospital itu, pipi kiri saya bengkak dan sakit, dan terdapat luka terkoyak berukuran satu (1) cm di dalam mulut saya. Saya juga mengalami bengkak dan sakit pada separuh bawah lengan kiri saya, dan sakit pada peha kanan, dan saya tidak berupaya untuk mengangkat anggota bawah sebelah kanan disebabkan kesakitan.

t.t

.....

Zur binti Atan

**LAMPIRAN B****Hospital Besar Kuala Lumpur****Laporan Perubatan Pakar****Ruj. Kami: 666/2021****Tarikh: 17.7.2021****Per: Laporan Perubatan Sya bin Sudirmain**

---

---

Orang yang dinamakan di atas telah dipindahkan ke Hospital ini pada 10.9.2020 dari Hospital Sri Manja. Dia telah terlibat dalam suatu kejadian yang dia telah terjatuh daripada motorsikal. Dia telah dibenarkan keluar dari hospital pada 3.3.2021 tetapi telah dimasukkan semula pada 13.5.2021 untuk pembedahan disebabkan oleh ulser katil.

Akibat kejadian pada 9.9.2020 itu, dia telah mengalami:

- a. Defisit keseluruhan saraf motor dan deria;
- b. Dislokasi teruk pada aras vertebrata T5-T6;
- c. Kelumpuhan menyeluruh kesemua anggota disebabkan oleh kecederaan tulang belakang;
- d. Inkontinens – yang menghendaki pengkateteran sendiri berselang-selang yang berterusan; dan
- e. Patah tulang paha kanan dan kiri.

Dia tidak boleh meneruskan kehidupan secara normal akibat daripada kelumpuhan itu.

Dia merupakan seorang pelajar yang berumur 17 tahun pada masa kecederaan itu. Dia mempunyai jangka hayat lebih kurang 35 tahun dari tarikh kecederaan itu dan akan memerlukan sama ada pembantu domestik atau anggota keluarga untuk menjaganya. Dia menghendaki tilam beralun khas dan katil elektrik yang mempunyai fungsi tinggi-rendah selain kerusi roda yang mempunyai tandas mudah alih. Dia menghendaki

penukaran 2 keping lampin setiap hari dan kateter urinari untuk mengosongkan pundinya serta kusyen ROHO untuk punggungnya akibat daripada ulser katil. Dia telah dibenarkan keluar pada 31.5.2021.

Terima kasih.

t.t

.....

Dr. Dushen

LAMPIRAN CLAPORAN POLIS

BALAI POLIS	:	PANGKOR
NO. LAPORAN	:	1100/20
ORANG YANG MEMBUAT LAPORAN	:	AZMI AHMAD
TARIKH & MASA LAPORAN	:	20.9.2020 @ 3.00 PETANG
JANTINA	:	LELAKI
UMUR	:	38 TAHUN
PEKERJAAN	:	LANS KORPERAL POLIS

---

Saya telah ditugaskan di suatu sekatan jalan di Jalan Teluk Nipah bersama-sama Sarjan Ali, Korporal Abu dan Korporal Ahmad.

Pada lebih kurang pukul 9.00 malam pada 9.9.2020, saya terlihat satu motorsikal membuat pusingan U menuju balik ke bandar Pangkor. Penunggang motorsikal itu tidak memakai topi keledar. Saya telah mengejanya dengan motorsikal saya No. CAD 187. Saya berteriak kepadanya supaya berhenti tetapi penunggang itu tidak berhenti. Penunggang itu yang sedang menunggang dengan lajunya telah hilang kawalan ke atas motorsikalnya, dan dia dan pembonceng telah terjatuh dan kedua-duanya mengalami kecederaan.

t.t.

.....  
Azmi Ahmad

oOOo